

Sempena sambutan Hari Peneroka Ahad ini

Inisiatif model baharu Felda

ROMPIN – Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan inisiatif model baharu Felda pada sambutan Hari Peneroka Felda Peringkat Kebangsaan di Felda Selancar 3, Muadzam Shah di sini, Ahad ini.

Pengarah Besar Felda, Datuk Dr. Othman Omar (gambar kecil) berkata, pengumuman itu diharapkan membolehkan peneroka tidak lagi terlalu bergantung kepada tanaman kelapa sawit yang harganya tidak menentu.

"Kami berharap peneroka berusaha dengan kaedah yang sedikit berbeza daripada dahulu contohnya menerusi kaedah menyewakan tanah bagi jangka

panjang dan terlibat dalam tanaman kontan," katanya ketika melawat tapak sambutan program itu di sini semalam.

Beliau berkata, sewaan jangka panjang dilihat lebih memanfaatkan peneroka terutamanya yang sudah berusia kerana Felda akan membuat tanaman semula tanpa mereka perlu berhubung modal tanaman semula.

Katanya, terdapat lebih 70 peratus peneroka yang berusia lebih 56 tahun dan ada dalam kalangan mereka menghadapi masalah untuk mewariskan tanah kerana anak berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan lain.

Othman berkata, tanaman

kontan pula mampu memberi pulangan lima hingga 10 kali ganda dan berkemungkinan lebih jika diusahakan dengan menggunakan teknologi canggih berbanding kelapa sawit.

Seramai 10,000 warga peneroka dijangka memeriahkan sambutan Hari Peneroka yang juga bakal dihadiri Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"Kami akan berkongsi pelbagai pameran berbentuk keusahawanan oleh peneroka seperti pameran ternakan arnab ketika hari sambutan itu," katanya.

Othman berkata, Perdana Menteri juga dijadual mengumumkan pemenang Anugerah Keceerian Kampung Felda bagi tahun 2018 yang akan membawa pulang hadiah wang tunai RM1



SERAMAI 10,000 warga peneroka dijangka memeriahkan sambutan Hari Peneroka Felda Peringkat Kebangsaan di Felda Selancar 3, Muadzam Shah, Rompin, Pahang pada Ahad ini. – Gambar hiasan

juta.

Pengunjung turut dapat menyaksikan demonstrasi masa-

kan daripada cef terkenal, Datuk Redzuawan Ismail atau Cef Wan. – Bernama